

SYARAT-SYARAT UMUM

- 1) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap (PR) yang berkhidmat sebagai wartawan, jurugambar, jurukamera, pereka grafik yang **bekerja sepenuh masa** dengan mana-mana organisasi media cetak, elektronik dan media dalam talian yang mempunyai **Kad Perakuan Media yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN)**. **Pertubuhan media wajib berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
- 2) Karyawan media yang **berkontrak sepenuh masa** termasuk **wartawan sambilan** berkontrak (*stringer*) layak menyertai Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) MPI-PETRONAS.
- 3) **Wartawan sambilan** yang ingin menyertai HKM **hanya dibenarkan mewakili satu pertubuhan media, disahkan** oleh majikan diwakili dan mempunyai **Kad Perakuan Media** yang sah, aktif dan tidak tamat tempoh.
- 4) **Karyawan grafik & pembangun laman web** dibenarkan menyertai HKM **tanpa perlu memuat naik Kad Perakuan Media**.
- 5) Setiap penyertaan hendaklah mendapat **pengesahan daripada organisasi media yang diwakili**, dikemukakan bersama dengan **bukti pembayaran**. Bayaran bagi satu penyertaan **ahli MPI adalah RM100.00** manakala **bukan Ahli MPI adalah RM200.00**.
- 6) Tiada had umur ditetapkan bagi HKM MPI-PETRONAS kecuali bagi **Hadiah Kewartawanan Muda A. Samad Ismail** yang pesertanya hendaklah **berusia bawah 30 tahun**.
- 7) **Kecuali** kategori Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail, Kewartawanan Foto, Esei Foto, Infografik, Reka Letak Halaman, Lintas Langsung Berita Video dan Lintas Langsung Berita Radio, setiap penyertaan kategori lain dalam HKM secara **automatik layak dipertimbangkan untuk Hadiah Kajai**. Ini bermakna peserta tidak perlu menghantar penyertaan khusus untuk Hadiah Kajai.
- 8) Bahan penyertaan hendaklah **diterbitkan/disiarkan** dalam mana-mana **media cetak (akhbar dan majalah), media penyiaran (televisyen dan radio) atau media dalam talian yang beroperasi di Malaysia**; di mana **karyawan** itu berkhidmat bagi tahun yang dipertandingkan.
- 9) Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan secara **teratur dan dimuat naik ke dalam simpanan awan**.

- 10) **Sinopsis, garis panduan pembacaan bahan, senarai tajuk dan/atau senarai pautan laman web/ video link** yang berkaitan hendaklah dikemukakan dalam bentuk **PDF** dan bagi karya penulisan, ia perlu digabungkan bersama karya yang ingin dihantar.
- 11) Pautan simpanan awan yang mengandungi bahan penyertaan hendaklah diisi pada borang penyertaan. Bagi bahan penyertaan yang diletakkan dalam segmen **premium/berbayar**, peserta diminta memberikan **kata laluan sementara** bagi tujuan penilaian bahan oleh hakim.
- 12) Selain memenuhi syarat-syarat umum, penyertaan mesti mematuhi **syarat-syarat khusus** bagi setiap kategori yang disertai.
- 13) Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **karya-karya kewartawanan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.**
- 14) Penyertaan untuk HKM 2025 dibuka mulai **15 November 2025** dan tarikh tutup penyertaan adalah pada **14 Januari 2026** bagi bahan-bahan yang diterbitkan/disiar sepanjang tahun 2025

Tarikh tutup bagi pencalonan Tokoh Wartawan Negara, Tokoh Media Negara dan Anugerah Khas adalah pada **31 Mac 2026**.
- 15) Karyawan yang **gagal mematuhi tarikh akhir penyertaan** yang ditetapkan **tidak layak bertanding.**
- 16) Pencalonan bagi anugerah Tokoh Wartawan Negara, Tokoh Media Negara dan Anugerah Khas boleh dikemukakan oleh **pertubuhan media, persatuan atau kelab wartawan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pertubuhan sivil yang berkaitan media, serta institusi pengajian tinggi.**
- 17) Setiap peserta individu atau kumpulan layak menghantar **maksimum 2 penyertaan** bagi **kategori** berlainan dengan karya yang berbeza.
- 18) Jika pemenang lebih daripada seorang, hadiah akan diberi kepada **penama pertama** yang mewakili kumpulan berdasarkan senarai peserta pada borang penyertaan.
- 19) Pihak penganjur berhak meminda mana-mana penyertaan mengikut kategori yang bersesuaian/tepat.
- 20) Semua penyertaan dan dokumen yang diterima adalah hak milik MPI, tetapi **bukan untuk tujuan komersial.**

- 21) Atas faktor keselamatan, pertubuhan media boleh mewakili pemenang untuk tujuan penyertaan dan/atau menerima hadiah jika menang.
- 22) Penyertaan secara kolaborasi dengan mana-mana media tempatan atau antarabangsa, penilaian penyertaan dibuat berdasarkan sumbangan dan penglibatan calon tersebut sahaja.
- 23) Hanya karya asli diterima. Pihak penganjur berhak menolak dan tidak bertanggungjawab kepada mana-mana karya yang berunsur plagiat/mengandungi elemen yang tidak dibenarkan bagi tujuan komersial.
- 24) Keputusan Panel Hakim adalah muktamad.

KATEGORI TERBUKA

1) TOKOH WARTAWAN NEGARA

Dikeluarkan atas nama Malaysian Press Institute, gelaran ini dianugerahkan kepada individu yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam perkembangan bidangewartawanan tanah air. Ia bukan sahaja melalui tulisan tetapi juga buah fikiran, pandangan dan tindakan mereka.

Gelaran ini juga adalah suatu penghormatan dan penghargaan tertinggi dari kalangan wartawan Malaysia kepada individu yang berjasa dalam bidang kewartawanan Malaysia.

Pencalonan bagi anugerah **Tokoh Wartawan Negara, Tokoh Media Negara** dan **Anugerah Khas** boleh dikemukakan oleh **pertubuhan media, persatuan atau kelab wartawan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pertubuhan sivil yang berkaitan media, serta institusi pengajian tinggi.**

Setiap pencalonan hendaklah disertakan latarbelakang calon dan hujah bertulis mengenai karya/tulisan, sumbangan buah fikiran, jasa bakti dan/atau kegiatan calon berkenaan. Pencalonan yang diterima perlu lengkap dengan justifikasi dan pencapaian tokoh berkenaan. Ia akan dinilai oleh sebuah panel khas yang dipengerusikan oleh Ketua Panel Hakim.

Calon Tokoh Wartawan Negara yang tidak terpilih boleh dicalonkan semula pada masa akan datang. Bagi calon yang telah meninggal dunia, pencalonan hendaklah dikemukakan tidak lebih setahun daripada tarikh kematian calon tersebut.

2) TOKOH MEDIA NEGARA

Gelaran ini adalah suatu penghormatan dan penghargaan tertinggi kepada individu yang banyak berjasa dalam memacu kemajuan, pembangunan dan mewarnai industri media di Malaysia.

Pencalonan bagi anugerah **Tokoh Wartawan Negara, Tokoh Media Negara** dan **Anugerah Khas** boleh dikemukakan oleh **pertubuhan media, persatuan atau kelab wartawan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pertubuhan sivil yang berkaitan media, serta institusi pengajian tinggi.**

Setiap pencalonan hendaklah berserta latarbelakang lengkap calon dan hujah bertulis mengenai pencapaian, sumbangan, jasa bakti dan/atau kegiatan calon berkenaan. Pencalonan yang diterima perlu lengkap dengan justifikasi pemilihan tokoh berkenaan. Ia akan dinilai oleh sebuah panel khas yang dipengerusikan oleh Ketua Panel Hakim.

Calon Tokoh Media Negara yang tidak terpilih boleh dicalonkan semula pada masa akan datang. Bagi calon yang telah meninggal dunia, pencalonan hendaklah dikemukakan tidak lebih setahun daripada tarikh kematian calon berkenaan.

3) ANUGERAH KHAS

Anugerah ini adalah sebagai mengiktiraf sumbangan, pengorbanan dan pencapaian luar biasa seorang pengarang media, wartawan atau karyawan media dalam bidang kewartawanan, termasuk yang sudah meninggal dunia.

Pencalonan bagi anugerah **Tokoh Wartawan Negara, Tokoh Media Negara dan Anugerah Khas** boleh dikemukakan oleh **pertubuhan media, persatuan atau kelab wartawan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pertubuhan sivil yang berkaitan media, serta institusi pengajian tinggi.**

Setiap pencalonan hendaklah berserta latarbelakang lengkap calon dan hujah bertulis mengenai pencapaian, sumbangan, jasa bakti dan/atau kegiatan calon berkenaan. Pencalonan yang diterima perlu lengkap dengan justifikasi pemilihan tokoh berkenaan. Ia akan dinilai oleh sebuah panel khas yang dipengerusikan oleh Ketua Panel Hakim.

4) HADIAH KAJAI

Anugerah ini diberikan kepada wartawan yang penyertaannya dalam HKM MPI-PETRONAS pada tahun dipertandingkan, dinilai terbaik dan memenuhi syarat ditetapkan oleh Panel Hakim.

Bagaimanapun, penyertaan bagi kategori Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail, Kewartawanan Foto, Esei Foto, Infografik, Reka Letak Halaman, Lintas Langsung Berita Video dan Lintas Langsung Berita Radio, tidak layak dipilih untuk hadiah ini.

5) HADIAH WARTAWAN MUDA A. SAMAD ISMAIL

Anugerah ini terbahagi kepada dua iaitu untuk laporan media cetak (akhbar, majalah dan dalam talian) dan laporan penyiaran (TV & video dalam talian). Penyertaan hanya terbuka kepada wartawan yang berusia **bawah 30 tahun.**

- i. Bagi kategori Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail, peserta individu hanya boleh menghantar maksimum **satu (1) penyertaan.**
- ii. Peserta perlu menyediakan **satu (1) karya** penulisan atau video **termasuk dua(2) karya sokongan** yang menonjolkan kualiti dan gaya kewartawanan penulisan, penyiaran atau karya-karya terbaik dari peserta sepanjang tahun itu. Bagi **karya bersiri**, maksimum **lima (5) siri** sahaja dibenarkan.
- iii. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **karya-karya kewartawanan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Manakala pada penerbitan asal karya video perlu disertakan sarikata terjemahan.**
- iv. Bahan penyertaan hendaklah dimuat naik ke dalam simpanan awan.
- v. Bagi karya penulisan hendaklah dalam bentuk **PDF** dan karya video dalam bentuk **MP4.**

- vi. Bagi karya video, peserta perlu terlibat dalam tiga (3) dari lima (5) elemen penyediaan produksi video iaitu:
 - a) Penyediaan skrip
 - b) Penyuntingan video
 - c) *Stand upper*
 - d) Suara latar (*Voice over*)
 - e) Pasca produksi (*Post Production*)
- vii. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel/video mestilah disusun mengikut tertib aturan dan digabungkan sebagai satu fail.
- viii. Peserta perlu kemukakan dokumen profil dan pencapaian atau dokumen sokongan sebagai nilai tambah yang disahkan oleh Ketua Pengarang/Ketua Jabatan.
- ix. Peserta yang pernah memenangi kategori ini, tidak layak untuk menyertai tetapi boleh menghantar penyertaan bagi kategori lain.

6) INFOGRAFIK TERBAIK

Infografik ialah representasi visual data atau maklumat yang ringkas tetapi mudah difahami dan menarik. Artis grafik yang baik adalah mereka yang secara kreatif dan inovatif mampu menyusun maklumat atau data mengenai sesuatu isu atau topik dengan jelas untuk tatapan pembaca.

- i. Peserta individu atau berkumpulan layak menghantar **dua (2) penyertaan** sahaja.
- ii. Peserta perlu menyediakan karya yang menonjolkan gambaran maklumat dalam bentuk grafik asal pegun yang direka untuk mudah difahami.
- iii. Hasil karya yang disiarkan dalam akhbar, majalah, media dalam talian dan media sosial milik organisasi media layak bertanding.
- iv. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**
- v. Karya hendaklah dikemukakan dalam format **PDF** yang dimuatnaik ke dalam simpanan awan.
- vi. Bagi tujuan pengesahan keaslian karya, peserta diminta **bersedia dalam menyediakan *working file*** sekiranya diminta oleh MPI.
- vii. Peserta kategori ini **dikecualikan dari memuatnaik Kad Perakuan Media.**

7) REKA LETAK HALAMAN TERBAIK

Anugerah ini diberi kepada penyunting atau pereka grafik yang telah menghasilkan reka letak terbaik di mana-mana halaman akhbar atau majalah.

- i. Peserta individu atau berkumpulan layak menghantar **dua (2) penyertaan** sahaja.
- ii. Peserta perlu menyediakan **satu (1) rekaan** yang menonjolkan reka letak halaman yang tersusun, pemilihan perkataan/tajuk yang menarik digayakan serta menangkap perhatian.

- iii. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**
- iv. Karya reka letak itu boleh daripada mana-mana halaman, termasuk halaman pertama, sisipan, keluaran khas atau seksyen khas.
- v. Karya hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat naik ke dalam simpanan awan.
- vi. Salinan terjemahan karya perlu dikemukakan dalam **format PDF**.
- vii. Peserta kategori ini **dikecualikan dari memuatnaik Kad Perakuan Media.**

8) KEWARTAWANAN PENYIASATAN TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada karya yang memaparkan laporan berbentuk penyiasatan yang terbaik, mencari kebenaran dan memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan.

- i. Peserta individu atau berkumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan.**
- i. Kategori terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam media cetak, media dalam talian dan media penyiaran TV.
- ii. Peserta perlu menyediakan **satu (1) karya** yang menonjolkan elemen penyiasatan dan pendedahan yang disokong oleh fakta kukuh, sahih, berintegriti dan berimpak tinggi.
- iii. Penggunaan elemen-elemen seperti gambar, video dan grafik dalam penyampaian turut diambil kira.
- iv. Peserta hendaklah memastikan setiap liputan penyiasatan yang dihantar adalah berpandukan kebenaran dan kejadian sebenar ketika waktu liputan itu diterbitkan.
- v. Liputan penyiasatan haruslah mengandungi intipati seperti:
 - 1. Terdapat hipotesis/dakwaan/hujah
 - 2. Pembuktian dan data sumber (cth: sumber legal; SPRM)
 - 3. Kesan dan maklum balas pihak berwajib / tindakan undang-undang / menjanjikan tindakan
- vii. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Manakala pada penerbitan asal karya video perlu disertakan sarikata terjemahan.**
- viii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF atau MP4** yang dimuat naik ke dalam simpanan awan.
- ix. Bagi karya bersiri, hendaklah tidak **melebihi lima (5) siri**. Durasi maksimum 20 minit bagi karya video bersiri.
- x. Karya bersiri mestilah disusun mengikut aturan dan dimuatkan ke dalam satu fail.

9) KEWARTAWANAN ESG TERBAIK

Anugerah ini diberi kepada karya yang memaparkan laporan berhubung Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) termasuk laporan berkaitan kewangan, ekonomi dan perniagaan korporat yang dianggap terbaik.

- ii. Peserta individu atau kumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- iii. Peserta perlu menyediakan **satu (1) karya ESG dan dua (2) karya sokongan** yang menyentuh topik atau isu mengenai Alam Sekitar, Sosial atau Tadbir Urus yang telah disiarkan sama ada dalam media cetak, media penyiaran TV dan media dalam talian.
- iv. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**, dan perlu dikemukakan dalam **format PDF**. **Manakala pada penerbitan asal karya video perlu disertakan sarikata terjemahan**.
- v. Bagi karya yang bersiri, hendaklah tidak melebihi **lima (5) siri**. Durasi maksimum 20 minit bagi karya video bersiri.
- vi. Karya bersiri mestilah disusun mengikut aturan dan digabungkan ke satu fail.
- vii. Bahan penyertaan penulisan atau video hendaklah dikemukakan dalam **format PDF atau MP4** yang dimuat naik ke dalam simpanan awan.
- viii. Mana-mana karya yang mengandungi sebarang elemen acah hijau (*green washing*) akan dibatalkan penyertaan.

10) KEWARTAWANAN MULTIMEDIA TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada kalangan wartawan yang menghasilkan karya terbaik dalam platform media dalam talian. Karya itu hendaklah mengandungi elemen multimedia serta bersifat interaktif.

- i. Peserta secara individu atau kumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta perlu menyediakan **satu (1) karya** seperti laporan khas, berita, atau rencana yang menonjolkan karya-karya yang mengetengahkan 3 kriteria wajib iaitu:
 - a. **Karya asli** yang diterbitkan media dalam talian.
 - b. **Gabungan elemen multimedia** seperti: teks, audio, video, foto, grafik, ilustrasi, animasi, garis masa atau visualisasi data.
 - c. **Bersifat interaktif dan informatif**
- iii. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**.
- iv. Karya dikemukakan mestilah menyampaikan mesej yang jelas, sumber yang tepat dan menonjolkan usaha komitmen peserta.
- v. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat ke dalam simpanan awan.
- vi. Pastikan pautan yang dinyatakan dalam bahan penyertaan adalah **sahih serta boleh diakses**.
- vii. Karyawan grafik dan pembangun laman web **dikecualikan dari memuatnaik Kad Perakuan Media**.

KATEGORI KHUSUS CETAK & MEDIA DALAM TALIAN

11) PENULISAN KOLUM TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada penulisan kolum yang dianggap terbaik berdasarkan asas pertimbangan yang ditetapkan oleh penganjur.

- i. Peserta individu hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta perlu menyediakan **satu (1) karya terbaik dan dua (2) karya sokongan** yang menonjolkan gaya penulisan peserta.
- iii. Kategori ini terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam media cetak (akhbar dan majalah) atau media dalam talian **secara konsisten atau sekurang-kurangnya sebulan sekali**.
- iv. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**.
- iv. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat ke dalam simpanan awan.
- v. **Kesemua karya** disusun mengikut aturan dan digabungkan ke satu fail.

12) LAPORAN BERITA TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada artikel berita yang terbaik.

- i. Peserta secara individu atau berkumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta perlu menyediakan **satu (1) karya terbaik dan dua karya sokongan** seperti **hard news** dan **soft news** yang menonjolkan gaya penulisan peserta.
- iii. Peserta digalakkan menyertakan karya tambahan berbentuk video/audio/multimedia/grafik sebagai nilai tambah karya yang dipertandingkan.
- v. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**.
- iv. Kategori ini terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam **media cetak atau media dalam talian**.
- v. Bahan penyertaan penulisan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat ke dalam simpanan awan.
- vi. Bagi karya yang bersiri, hendaklah **tidak melebihi lima (5) siri**, disusun mengikut aturan dan digabungkan ke satu fail.

13) PENULISAN RENCANA TERBAIK

Anugerah ini diberikan kepada rencana terbaik.

- i. Peserta secara individu atau berkumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta perlu menyediakan **tiga (3) karya terbaik** yang menonjolkan penulisan kreatif dan mengupas topik seperti wanita, pelancongan, kesihatan, hiburan, sukan, gaya hidup atau yang berkaitan. Karya ini juga perlu mempunyai elemen penyelidikan dan analisis secara mendalam, yang memberi kesan kepada pembaca.
- vi. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**.
- iii. Kategori ini terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam media cetak termasuk majalah dan media dalam talian.
- iv. Bahan penyertaan penulisan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat ke dalam simpanan awan.
- v. Bagi karya yang bersiri, hendaklah **tidak melebihi lima (5) siri**, disusun mengikut aturan dan digabungkan ke satu fail.

14) KEWARTAWANAN FOTO TERBAIK

Foto yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika akan dipilih sebagai pemenang. Ia hendaklah lengkap dengan keterangan gambar.

- i. Peserta individu boleh menghantar **dua (2) penyertaan**.
- ii. Kategori ini terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam media cetak termasuk akhbar, majalah atau media dalam talian.
- iii. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
- iv. Bagi setiap penyertaan, peserta perlu mengemukakan **satu (1) karya foto dalam format JPEG atau PDF** serta keterangan gambar (*caption*) & salinan akhbar/tangkap layar dalam format PDF.
- v. Karya foto hendaklah dimuatnaik ke dalam simpanan awan.
- vi. Hanya foto yang telah diterbitkan layak menyertai. Mana-mana foto dari simpanan arkib dibatalkan penyertaannya.
- vii. Elemen penyuntingan foto yang dibenarkan:
 - a. Pembungkakan/pemotongan gambar (*cropping*)
 - b. Perubahan minimal pencahayaan, kecerahan (*brightness, luminance*)
 - c. Perubahan minimal tahap warna & saturasi (*colour level, saturation*)

15) ESEI FOTO TERBAIK

Hadiah ini diberi kepada jurufoto yang telah menghasilkan penceritaan berdasarkan foto bersiri atas tema yang sama.

- i. Peserta individu boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Kategori ini terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam media cetak termasuk akhbar, majalah atau media dalam talian.
- iii. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
- iv. Peserta perlu mengemukakan **sebuah karya esei foto** yang boleh merangkumi **antara empat (4) hingga sepuluh (10) gambar bersiri** dalam format **PDF**.
- v. Setiap penyertaan perlu disertakan **keterangan gambar** (*caption*) dan salinan akhbar/tangkap layar dalam format **PDF**.
- vi. Karya foto hendaklah dimuatnaik ke dalam simpanan awan.
- viii. Hanya foto yang telah diterbitkan layak menyertai. Mana-mana foto dari simpanan arkib dibatalkan penyertaannya.
- vii. Elemen penyuntingan foto yang dibenarkan:
 - a. Pembingkajian/pemotongan gambar (*cropping*)
 - b. Perubahan minimal pencahayaan, kecerahan (*brightness, luminance*)
 - c. Perubahan minimal tahap warna & saturasi (*colour level, saturation*)

KATEGORI KHUSUS PENYIARAN MEDIA TELEVISYEN & VIDEO DALAM TALIAN

16) BERITA VIDEO TERBAIK

Terbuka kepada wartawan media penyiaran yang menghasilkan video berita.

- i. Peserta individu atau kumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta individu atau kumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Wartawan
 - Jurukamera
 - Penyunting video
- iii. Tugas peserta mestilah mengetengahkan berita, hal ehwal semasa, sukan atau program siaran langsung.
- iv. Laporan berita video hendaklah tidak melebihi **tiga (3) siri** dan durasi keseluruhan laporan **tidak melebihi lima belas (15) minit**.
- v. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan penerbitan asal yang dihasilkan dalam bahasa lain perlu disertakan sarikata terjemahan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**.
- vi. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran televisyen dan media dalam talian.
- vii. Bahan penyertaan hendaklah dalam **format MP4** dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.

17) DOKUMENTARI VIDEO TERBAIK

Terbuka kepada kumpulan produksi penyiaran yang menghasilkan dokumentari video. Dokumentari yang dikemukakan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan ahli kumpulannya. Ini termasuklah bukti penulisan skrip dokumentari, penggunaan suara latar wartawan dalam penceritaan dokumentari.

- i. Peserta berkumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta berkumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Wartawan
 - Penulis skrip / penyelidik kandungan
 - Jurukamera
 - Penyunting video
 - Penerbit
- iii. Durasi keseluruhan bagi karya dokumentari atau rencana TV **tidak kurang dari sepuluh (10) minit dan tidak melebihi enam puluh (60) minit**.
- iv. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan penerbitan asal yang dihasilkan dalam bahasa lain perlu disertakan sarikata terjemahan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**.
- v. Bahan penyertaan hendaklah dalam format MP4 dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.
- vi. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran televisyen dan media dalam talian.

18) BICARAWARA VIDEO TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada kategori penyiaran untuk mengiktiraf bakat hos, pengacara atau bakat siaran serta produksi rancangan.

- i. Peserta berkumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta berkumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Pengacara / hos / bakat siaran
 - Penulis skrip / penyelidik kandungan
 - Jurukamera
 - Penyunting video
 - Penerbit
- iii. Durasi keseluruhan bagi karya rancangan bicarawara **tidak kurang dari lima belas (15) minit dan tidak melebihi enam puluh (60) minit**.
- iv. Penyertaan terhad untuk **format bual bicara** sahaja.
- v. Selain bahan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, **bahan penerbitan asal yang dihasilkan dalam bahasa lain perlu disertakan sarikata terjemahan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris**.
- vi. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran televisyen, video dalam talian dan video *podcast*.
- vii. Bahan penyertaan hendaklah dalam format **MP4** dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.

19) LINTAS LANGSUNG BERITA VIDEO TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada kategori penyiaran untuk menghargai kerja keras para wartawan di lapangan dalam menghasilkan berita lintas langsung.

- i. Peserta berkumpul hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta berkumpul mestilah terdiri daripada:
 - Pelapor / pengulas / wartawan lokasi
 - Jurukamera
- iii. Durasi keseluruhan bagi karya lintas langsung dan **tidak kurang dari 5 minit dan tidak melebihi sepuluh (10) minit**.
- iv. Penyertaan terhad untuk format lintas langsung (*crossover*) bagi **laporan berita** sahaja.
- v. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain perlu disertakan sarikata terjemahan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
- vi. Bahan penyertaan hendaklah dalam **format MP4** dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.
- vii. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran televisyen, video dalam talian dan platform media sosial milik organisasi media.

KATEGORI KHUSUS PENYIARAN MEDIA RADIO & PODCAST

20) LAPORAN RADIO TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada kalangan wartawan yang menghasilkan karya terbaik dalam sesebuah stesen radio awam atau swasta. Laporan itu boleh berbentuk berita, komentar, ulasan dan rencana.

- i. Peserta individu atau berkumpul hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta berkumpul mestilah terdiri daripada:
 - Wartawan
 - Penulis skrip / penyelidik kandungan
 - Penerbit
- iii. Laporan radio hendaklah bersifat komprehensif, tidak bersiri dan durasi keseluruhan audio **tidak melebihi lima belas (15) minit**.
- iv. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran radio, radio dalam talian yang berdaftar dan siniar (podcast).
- v. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
- vi. Karya audio hendaklah dalam **format MP3** dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.
- vii. Penyertaan hendaklah dikemukakan satu file sinopsis yang juga mengandungi senarai cap masa (*timestamp*) yang menampilkan sorotan penting.

21) DOKUMENTARI RADIO TERBAIK

Terbuka kepada wartawan radio yang menghasilkan dokumentari radio. Dokumentari yang dikemukakan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan berkenaan. Ini termasuklah bukti penulisan skrip dokumentari, penggunaan suara latar wartawan dalam penceritaan dokumentari.

- i. Peserta individu atau berkumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta berkumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Wartawan / Juruhebah
 - Penulis skrip / penyelidik kandungan
 - Penerbit
- iii. Dokumentari radio hendaklah tidak bersiri dan durasi keseluruhan audio itu **tidak melebihi tiga puluh (30) minit**.
- iv. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran radio, radio dalam talian dan audio *podcast*.
- v. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
- vi. Karya audio hendaklah dalam **format MP3** dan dimuatkan ke dalam simpanan awan
- vii. Penyertaan hendaklah dikemukakan satu file sinopsis yang juga mengandungi senarai cap masa (*timestamp*) yang menampilkan sorotan penting.

22) BICARAWARA RADIO TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada kategori radio untuk mengiktiraf hos, pengacara atau bakat siaran serta produksi rancangan.

- i. Peserta berkumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta berkumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Hos / Pengacara
 - Penulis skrip / penyelidik kandungan
 - Penerbit
- iii. Durasi keseluruhan audio **tidak melebihi enam puluh (60) minit**.
- iv. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran radio, radio dalam talian yang berdaftar dan audio *podcast*.
- v. Penyertaan terhad untuk **format bual bicara** sahaja.
- vi. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
- vii. Karya audio hendaklah dalam **format MP3** dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.
- viii. Penyertaan hendaklah dikemukakan satu file sinopsis yang juga mengandungi senarai cap masa (*timestamp*) yang menampilkan sorotan penting.

23) LINTAS LANGSUNG BERITA RADIO TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada kategori radio untuk menghargai kerja keras para wartawan dan ahli kumpulannya, menghasilkan berita secara langsung.

- i. Peserta individu atau kumpulan hanya boleh menghantar **satu (1) penyertaan**.
- ii. Peserta kumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Pelapor / pengulas / wartawan lokasi
 - Penerbit
- iii. Durasi keseluruhan audio **tidak melebihi sepuluh (10) minit**.
- iv. Kategori ini terbuka kepada karya yang disiarkan dalam media penyiaran radio, radio dalam talian yang berdaftar dan siniar (podcast).
- v. Penyertaan terhad untuk **format lintas langsung (*crossover*)** sahaja.
- vi. Selain bahan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, **bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
- vii. Karya audio hendaklah dalam **format MP3** dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.
- viii. Semua nama ahli kumpulan bertugas dalam produksi hendaklah dinyatakan dalam borang penyertaan.
- ix. Penyertaan hendaklah dikemukakan satu file sinopsis yang juga mengandungi senarai cap masa (*timestamp*) yang menampilkan sorotan penting.